Datuk Seri Anwar bin Ibrahim lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 41–233 TAHUN 2008
ZAINAL AZMAN PK
27 JULY 2009

Prosedur Jenayah — Pencegahan kesalahan — Perintah larangan untuk mengetepikan perintah larangan — Perintah larangan berkuat kuasa selama tujuh hari dari tarikh dibuat — Sama ada permohonan menjadi akademik — Kuasa majistret untuk meminda atau membatalkan perintah — Sama ada terdapat tempoh masa untuk pindaan atau pembatalan perintah larangan — Sama ada permohonan untuk pengetepian perlu didengar dan diputuskan — Kanun Prosedur Jenayah s 98

Pada 13 Julai 2008 pemohon ('Ketua Polis Daerah Sentul') telah memfailkan satu notis permohonan ex parte di bawah s 98 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ') yang memohon satu perintah agar perayu dan penyokong-penyokongnya dihalang dari menghadiri satu perhimpunan yang dijadualkan diadakan pada 14 Julai 2008 di perkarangan Parlimen. Pada tarikh yang sama mahkamah majistret telah mengeluarkan perintah larangan tersebut. Pada 18 Julai 2008 perayu telah memfailkan satu notis permohonan agar perintah larangan yang bertarikh 13 Julai 2008 tersebut diketepikan dan/atau dibatalkan. Pendengaran notis permohonan ini telah ditangguh dua kali untuk membolehkan notis permohonan tersebut diserahkan ke pejabat peguam negara dan juga untuk penghujahan. Akhirnya, pada 15 Disember 2008, notis permohonan tersebut telah ditolak atas alasan ianya telah menjadi akademik kerana perintah yang dibuat di bawah s 98 KPJ tidak berkuat kuasa lebih dari tujuh hari daripada tarikh ianya dibuat. Perayu telah memfailkan rayuan ini terhadap keputusan tersebut. Isu untuk keputusan mahkamah dalam rayuan ini adalah: (i) sama ada permohonan perayu telah menjadi akademik; dan (ii) jika ianya sudah menjadi akademik, sama ada ianya masih boleh didengar.

Diputuskan, membenarkan rayuan pemohon:

(1) Seksyen 98(4) KPJ memberi kuasa yang luas kepada majistret untuk meminda atau membatalkan sesuatu perintah yang telah dibuat di bawah seksyen ini dan tidak menetapkan sebarang tempoh masa untuk pindaan atau pembatalan perintah berkenaan. Pemohon telah

memfailkan permohonan sebelum tempoh tujuh hari berakhir. Permohonan didengar selepas tempoh tujuh hari berakhir bagi membolehkan responden memfailkan afidavit balasan dan sebagainya. Mengambilkira keadaan ini, jelas bahawa tidak mungkin akan ada notis permohonan sebegini dapat diputuskan atas merit dan keadaan ini akan menjadikan s 98(4) 'redundant'. Majistret telah khilaf dalam penghakimannya (lihat perenggan 24–26).

(2) Majistret hendaklah mendengar dan membicarakan sesuatu permohonan itu dan memberi peluang kepada pemohon untuk didengar dan tidak menolak sesuatu permohonan itu begitu sahaja dan mengetahui bentuk keterangan yang ada untuk mengesahkan perintah ex parte tersebut. Perintah masih hidup atau telah luput bukan menjadi satu persoalan di sini. Pemohon telah memfailkan satu permohonan yang teratur dan perlu didengar walaupun perintah tersebut telah luput (lihat perenggan 30–31).

[**English summary**

On 13 July 2008, the applicant (Chief Inspector for Sentul District) had filed an ex parte notice of application under s 98 of the Criminal Procedure Code ('CPC') praying for an order that the appellant and his supporters be prohibited from attending a gathering which was scheduled to take place on 14 July 2008 at the Parliament compound. On the same day, the magistrate court issued the prohibitory order. On 18 July 2008, the appellant had filed a notice of application for the prohibitory order dated 13 July 2008 to be set aside and/or struck out. The hearing of the notice of application had been postponed twice to enable the notice of application served to the attorney general's chambers and for submission. Finally, on 15 December 2008, the notice of application was dismissed on the ground that it had became academic as the order made under s 98 of the CPC was not valid for more than seven days from the date of its issuance. The appellant had filed this appeal against the decision. The issue for the court's decision in this appeal was: (i) whether the appellant's application had became academic; and (ii) if it was, whether it could still be heard.

Held, allowing the applicant's appeal:

(1) Section 98(4) of the CPC provides wide power to the magistrate to amend or cancel an order made under this section and does not fix any time frame for amendment or cancellation of such order. The applicant had filed the application before the lapse of seven day period. The application was heard after the lapse of the seven day period to enable the respondent to file his affidavit in reply and etc. In these

circumstances, it was clear that this type of notice will never be able to be decided on its merit and this situation will make s 98(4) redundant. The magistrate had erred in his judgment (see paras 24–26).

(2) The magistrate should hear and try an application and give the opportunity to the application to be heard and not dismiss an application outright and get to know of the evidence available to confirm the ex parte application. A valid or expired order was not the question here. The applicant had filed a proper application and ought to be heard although the order had expired (see paras 30–31).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai prosedur jenayah secara umumnya, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 1–4937.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Samad & Ors v Emperor 1934 AIR QUDH-87(1) (dirujuk)

Ahmad Saidi Bin Md Isa v Timbalan Menteri Hal Ehwal & Ors [2006] 3 MLJ 208; [2006] 1 CLJ 977, MR (dirujuk)

Ainsbury v Millington [1987] 1 All ER 929, HL (dirujuk)

SKV Krishnavatharam, Re 1948 AIR Madras 117 (dirujuk)

Thakin Aung Bala v District Magistrate Rangoon 1993 AIR Rangoon 181 (dirujuk)

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran [2006] 6 MLJ 689, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Criminal Procedure Code [IND] s 144

Kanun Prosedur Jenayah s 98, 98(4), (5)

Fariza bt Hamzah (Mohd Suhairy bin Zakaria dan Noorin bt Badaruddin bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Lai Chee Hoe (Ranjit Singh dan David Cheong bersamanya) (Ranjit Ooi & Robert Low) bagi pihak pembelaan.

Zainal Azman PK:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan daripada perayu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokong-penyokong Pakatan Rakyat terhadap keputusan mahkamah majistret pada 15 Disember 2008 yang membenarkan bantahan awal oleh pihak pendakwaan terhadap permohonan perayu yang memohon satu perintah bahawa perintah larangan bertarikh 13 Julai 2008 di bawah s 98

Kanun Prosedur Jenayah diketepikan dan/atau dibatalkan.

KRONOLOGI KES

[2] Pada 13 Julai 2008, pemohon (Ketua Polis Daerah Sentul) telah memfailkan satu notis permohonan ex parte di bawah s 98 Kanun Prosedur Jenayah yang memohon satu perintah agar Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokong-penyokongnya dihalang dari menghadiri satu perhimpunan yang dijadualkan diadakan pada 14 Julai 2008 di perkarangan Parlimen dan dalam lingkungan 5km radius dari perkarangan bangunan Parlimen bagi menyokong usul undi tidak percaya terhadap YAB Tun Abdullah Badawi.

[3] Pada tarikh yang sama, mahkamah majistret telah mengeluarkan perintah larangan tersebut.

[4] Pada 18 Julai 2008, pihak responden (Datuk Seri Anwar dan penyokong) telah memfailkan satu notis permohonan agar perintah larangan yang bertarikh 13 Julai 2008 tersebut diketepikan dan/atau dibatalkan.

[5] Notis permohonan ini ditetapkan pada 21 Ogos 2008 untuk pendengaran.

[6] Notis permohonan ini kemudiannya ditangguhkan ke 21 November 2008 atas alasan bahawa notis permohonan ini belum diserahkan ke pejabat peguam negara.

[7] Pada 21 November 2008 pihak Jabatan Peguam Negara telah membangkitkan satu bantahan awal atas permohonan tersebut. Mahkamah kemudiannya menetapkan 15 Disember 2008 untuk penghujahan dan keputusan terhadap bantahan awal tersebut.

[8] Pada 15 Disember 2008, setelah meneliti bantahan awal dan mendengar hujahan serta nas undang-undang yang dikemukakan, mahkamah memutuskan untuk membenarkan bantahan awal tersebut dan menolak notis permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokong-penyokong.

HUJAHAN PERAYU

[9] Daripada notis rayuan dan penghujahan yang dibuat oleh perayu di Mahkamah Tinggi adalah jelas bahawa perayu tidak mempertikaikan peruntukan kuasa yang diberikan kepada majistret oleh s 98 Kanun Prosedur

Jenayah untuk membuat perintah walaupun secara ex parte dengan berasaskan kepada keterangan afidavit.

[10] Keputusan yang dibuat oleh majistret di bawah peruntukan ini boleh dicabar.

[11] Penolakan notis permohonan perayu agar perintah larangan yang bertarikh 13 Julai 2008 diketepikan dan/atau dibatalkan oleh mahkamah pada 15 Disember 2008 setelah mendengar bantahan awal responden atas alasan ianya telah menjadi akademik adalah bertentangan dengan peruntukan s 98 itu sendiri.

[12] Permohonan tersebut belum menjadi akademik, jika pun telah menjadi akademik, ianya masih boleh didengar berasaskan kepada kes *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran* [2006] 6 MLJ 689 di mana mahkamah menyatakan, antara lain:

> The test, therefore, in deciding whether an appeal has become academic is to determine whether there is in existence a matter in actual controversy between the parties which will affect them in some way. If the answer to the question is in the affirmative the appeal cannot be said to have become academic. This test has found favour with a plethora of local cases such as *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Karpal Singh* [1992] 1 MLJ 147; *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed & Anor v Board of Trustees of the Sabah Foundation & Ors* [1997] 1 MLJ 257 and *Raphael Pura v Insas Bhd & Anor* [2003] 1 MLJ 513.

HUJAHAN RESPONDEN

[13] Seksyen 98 Kanun Prosedur Jenayah adalah merupakan satu peruntukan yang memperuntukan bidang kuasa kepada majistret untuk mengeluarkan perintah dalam kacau ganggu penting secara ex parte.

[14] Dalam kes ini, tidak ada apa-apa isu yang hidup memandangkan s 98(5) Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan bahawa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini tidak berkuatkuasa lebih dari tujuh hari dari tarikh itu dibuat.

[15] Sekalipun permohonan untuk ketepikan perintah tersebut semasa perintah masih berkuat kuasa tetapi semasa pendengaran dibuat perintah telah luput kuatkuasanya. Oleh itu apa yang akan diputuskan oleh mahkamah ini hanyalah satu isu yang akan menjadi akademik sahaja.

[16] Dalam hal ini pihak responden telah merujuk kepada kes *Ahmad Saidi bin Md Isa v Timbalan Menteri Hal Ehwal & Ors* [2006] 3 MLJ 208; [2006]

1 CLJ 977. *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed & Anor v The Board of Trustees of the Sabah Foundation & Ors and another application* [1999] 1 MLJ 257 dan *Ainsbury v Millington* [1987] 1 All ER 929.

[17] Dengan merujuk kepada kes *Abdul Samad & Ors v Emperor* 1934 AIR QUDH-87(1) Hakim Nanavutty menyatakan:

> Where the order under s 144 has ceased to be in force by efflux of time, High Court should not interfere with it in revision. The persons feeling aggrieved against that order have their remedy in the civil court by filling of declaratory suit...

ALASAN PENGHAKIMAN MAJISTRET

[18] Mahkamah majistret memutuskan hanya terdapat dua isu dalam memutuskan bantahan awal pemohon, pertama adakah mahkamah majistret mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan tersebut dan kedua, jika mahkamah majistret mempunyai bidang kuasa, mahkamah majistret tidak terhalang untuk menentukan sama ada permohonan tersebut telah menjadi akademik.

[19] Mahkamah majistret juga memutuskan bahawa memandangkan perintah di bawah s 98 Kanun Prosedur Jenayah berkuat kuasa selama tujuh hari dari tarikh ianya dikeluarkan, dan semasa pendengaran notis permohonan pemohon masa tujuh hari tersebut telahpun berlalu maka tidak ada isu yang hidup yang perlu diputuskan oleh mahkamah. Oleh itu, permohonan pemohon telahpun menjadi akademik.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[20] Isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini adalah:

(a) adakah permohonan perayu di mahkamah majistret sudah menjadi akademik; dan

(b) jika ianya diputuskan sudah menjadi akademik, adakah ianya masih boleh didengar iaitu keputusan majistret dicabar.

[21] Adalah satu fakta yang tidak disangkal bahawa pemohon (perayu) di mahkamah majistret telah memfailkan satu permohonan untuk ketepikan perintah tersebut semasa perintah berkenaan masih berkuat kuasa tetapi permohonan tersebut didengar oleh mahkamah bila mana perintah tersebut telahpun luput tarikhnya. Kesan dari keadaan ini, majistret memutuskan bahawa permohonan ini telah menjadi akademik.

[22] Adalah juga merupakan fakta yang tidak disangkal bahawa penetapan sesuatu tarikh untuk mendengar sesuatu permohonan adalah hak mahkamah.

[23] Seksyen 98(4) Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan:

> 98(4) Any Magistrate may rescind or alter any order made under this section by himself or his predecessor in office.

[24] Peruntukan ini memberi kuasa yang luas kepada majistret untuk meminda atau membatalkan sesuatu perintah yang telah dibuat di bawah seksyen ini dan tidak menetapkan sebarang tempoh masa untuk majistret meminda atau membatalkan perintah berkenaan.

[25] Dalam kes ini, pemohon telah memfailkan permohonan sebelum tempoh tujuh hari berakhir. Permohonan didengar selepas tempoh tujuh hari berakhir bagi membolehkan pihak responden memfailkan afidavit balasan dan sebagainya. Mengambilkira keadaan ini dan merujuk kepada alasan penghakiman majistret, adalah jelas bahawa tidak mungkin akan ada notis permohonan sebegini dapat diputuskan atas merit dan keadaan ini juga akan menjadikan s 98(4) 'redundant'.

[26] Saya dengan ini memutuskan bahawa majistret telah khilaf dalam penghakimannya di mana pada alasan penghakiman beliau di ms 82 rekod rayuan menyatakan:

> Jelas di dalam situasi permohonan kini, tidak ada persoalan yang ditimbulkan oleh responden pertama di dalam permohonannya mengenai isu interprestasi atau kesahihan peruntukan s 98 KPJ yang sedia ada yang perlu diputuskan oleh mahkamah bagi maksud kepentingan awam. Permohonan responden pertama adalah secara keseluruhannya berkisar kepada pengenepian dan/atau pembatalan perintah yang merujuk sepenuhnya kepada fakta-fakta dan latarbelakang yang membawa kepada perintah larangan itu sendiri.

[27] Berdasarkan kepada penghujahan, perayu tidak pernah sesekali mempertikaikan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini kepada majistret untuk membuat keputusan dengan segera dalam kes-kes kacau-ganggu penting walaupun secara ex parte. Apa yang dipertikaikan oleh perayu adalah kuasa majistret boleh dicabar selaras dengan peruntukan s 98(4) dan permohonan beliau untuk pengenepian dan/atau pembatalan perintah tersebut hendaklah diputuskan atas merit.

[28] Seksyen 98 Kanun Prosedur Jenayah adalah pari materia dengan s 144 Code of Criminal Procedure 1898 dan 1973. Dalam kes *Thakin Aung Bala v District Magistrate Rangoon* 1993 AIR Rangoon 181 diputuskan bahawa:

Section 144(5) is mandatory provision. Where an application is filed for cancelling the order, the magistrate should give the applicant an opportunity to support his application. He should not dismiss it summarily.

[29] Manakala dalam kes *Re SKV Krishnavatharam* 1948 AIR Madras 117 diputuskan bahawa:

When application under s 144(4) of the Criminal Procedure Code is made and when the petitioner offer evidence to show cause against the continuance of the ex parte order against him, it is the obvious duty of the magistrate to hold an enquiry and he cannot without holding that enquiry anticipate what the nature of the evidence would be and confirm his ex parte order.

[30] Menerima pakai keputusan kes-kes tersebut di atas, saya putuskan bahawa majistret hendaklah mendengar dan membicarakan sesuatu permohonan itu dan memberi peluang kepada pemohon untuk didengar dan tidak menolak sesuatu permohonan itu begitu sahaja dan mengetahui bentuk keterangan yang ada untuk mengesahkan perintah ex parte tersebut.

[31] Perintah masih hidup atau telah luput bukan menjadi satu persoalan di sini. Pemohon telah memfailkan satu permohonan yang teratur dan perlu didengar walaupun perintah tersebut telah luput. Apa juga keputusan majistret yang dibuat berdasarkan merit mestilah dihormati dan pihak-pihak yang tidak berpuas hati masih mempunyai peluang untuk merayu.

[32] Atas alasan-alasan tersebut di atas rayuan pemohon dibenarkan dan perintah mahkamah majistret diketepikan. Permohonan ini dihantar balik ke mahkamah majistret untuk didengar dan diputuskan di atas merit.

Rayuan pemohon dibenarkan.

Reported by Kanesh Sundrum